

# ZHULIAN SCOPE

APRIL - JUN 2021

Untuk Pengedar **ZHULIAN** Sahaja

PP 13742/12/2012 (031428)



RCD Shikh Ibrahim  
Bin-Shikh A. Hanam

RCD Hajjah Ruhiza Bt Abdullah  
RCD Voon Sok Hoon

**KEPELBAGAIAN  
CARA KERJA & USAHA**

**MEMPERJUANGKAN IMPIAN KECEMERLANGAN BERSAMA!**





## *Koleksi Sara Nisa*

m/s 34-35

# KANDUNGAN

## UTUSAN PENGURUSAN

3 Merangkul Perubahan, Merangkul Kejayaan!

## GERBANG CEMERLANG

4 RCD - DSM

24 SSM - SE

## SIHAT & SEJAHTERA

29 Campuran Susu Skim Dan Kolostrum ColoSkim

## AYUH BANGKIT BERSAMA

30 ZES 2021

## JANA MINDA

32 10 Langkah Mudah Melatih Diri Agar Kekal Positif

## HIAS & RIAS

34 Barangan Kemas Saduran Fesyen **ZHULIAN**

36 Bantu Diri Anda Lebih Langsing, Lebih Sihat dengan Sasherra dan SSSolution 2

37 Miliki Kulit Yang Cantik, Di Dalam dan Di Luar dengan ISO.3 dan Shishen

## KEDIAMAN IDAMAN

38 Hirup Udara dan Air Yang Bersih dan Sihat Melalui Rangkaian Beyond

39 Nyahtoksik, Masak & Simpan Secara Selamat dengan Beyond Food Junction, Cookline X dan SmartSeal.

# MERANGKUL PERUBAHAN, MERANGKUL KEJAYAAN!

*"Change is inevitable. Change is constant."*

- Benjamin Disraeli



ZHULIAN Malaysia



zhulianmalaysia



ZHULIAN Malaysia



www.zhulian.com.my



My Zhulian

Scan & Download Now !



TALIAN KHIDMAT PELANGGAN  
客户服务热线 CUSTOMER SERVICE HOTLINE

604-6162039

Emel / 电邮 / Email :  
chat2039@zhulian.com.my

ZHULIAN SCOPE is a magazine published and distributed by: ZHULIAN MARKETING (M) SDN BHD for ZHULIAN distributors only.

All copyright reserved. The reuse of any articles in this magazine is permitted only upon the written consent from:

ZHULIAN MARKETING (M) SDN.BHD. 198901008756 (186058-T)  
Plot 41, Bayan Lepas Industrial Estate,  
Phase IV, 11900 Penang, Malaysia.  
Direct Sales Licence No.: AJL 93195



Printed by:  
ZHULIAN PRINTING INDUSTRIES SDN. BHD.  
199101006478 (216788-X)  
Plot 42, Bayan Lepas Industrial Estate, Phase IV,  
11900 Penang, Malaysia.

Setelah lebih satu tahun melayari kehidupan di dalam kerisauan akibat pandemik yang melanda dunia, mujurlah kini kita semua akan diberikan suntikan vaksin secara berperingkat untuk melindungi diri daripada bahaya penularan penyakit ini. Namun, masanya masih lagi tidak pasti untuk kita kembali ke kehidupan yang normal. Sungguhpun begitu, apabila tiba masanya, 'normal' bukan lagi bererti kembali ke kehidupan yang terdahulu tetapi normal yang serba baharu! Dalam tempoh yang sungguh menduga kini, kehidupan baharu ini mendidik kita menjadi lebih berdisiplin dan bersabar di dalam setiap situasi yang dilalui. Sesungguhnya ia telah dan akan meninggalkan kesan yang mendalam ke dalam kehidupan kita semua, bahkan cara anda melayari perniagaan bersama **ZHULIAN** sebelum, semasa dan selepas PKP turut mengalami perubahan yang ketara!

Sememangnya bukan mudah untuk menerima perubahan yang mendadak apatah lagi menyesuaikan diri dengannya kerana secara lumrah, kita semua sukakan sesuatu yang rutin dan kebiasaan. Perubahan kadangkala menakutkan dan merumitkan namun perubahan tidak dapat dielak mahupun dihentikan. Dengan ketidakpastian dan perubahan demi perubahan yang ditempuhi, sama ada secara rela mahupun terpaksa, anda sebagai Usahawan **ZHULIAN** seharusnya tangkas bertindak, menyesuaikan cara kerja dan pendekatan perniagaan serta berubah mengikut trend dan keperluan masa kini. Buatlah pilihan yang bijak!

Dalam membudayakan norma baharu, **ZHULIAN** telah bertindak pantas menganjurkan bermacam-macam aktiviti dan program latihan secara online....antaranya ZES, ZAA, P&E dan pelbagai lagi webinar telah dan akan diatur! Meskipun kita terpisah di lokasi berbeza, namun dengan meluangkan masa beberapa jam bersama kita berupaya menyalurkan ilmu bermanfaat, selain menyokong dan meraikan kejayaan antara satu sama lain. Melihat kepada respon positif yang diterima, kami percaya anda sekalian memiliki minda yang terbuka serta mahu dan bersedia menerima perubahan. Harapan kami, lebih ramai lagi Usahawan **ZHULIAN** yang lebih reseptif terhadap perubahan atau inovasi baru. Paling penting, dalam kita belajar merangkul perubahan adalah komitmen diri sendiri terhadap perubahan tersebut dan menjadikannya sepositif mungkin. Oleh itu, terimalah norma baharu sebagai sebuah perubahan ke arah kehidupan 'normal' buat kita semua, dan semoga kita lebih cemerlang di dalam mengadaptasi kehidupan serba baru ini!



**"UNTUK BERJAYA, KITA MESTI BERGERAK KE HADAPAN... KITA LAH YANG MENENTUKAN DI TAHAP MANA KITA BERADA."**

Assalamualaikum dan selamat sejahtera kepada semua Warga **ZHULIAN**! Syukur Ahamdulillah kerana kita sentiasa berada dalam perlindungan Allah daripada wabak yang sedang melanda duna sekarang ini. Jutaan terima kasih kepada Syarikat yang sentiasa konsisten dalam menangani apa sahaja cabaran dan dugaan. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian, sepanjang perjalanan saya selama 3 dekad bersama **ZHULIAN**, boleh saya simpulkan bahawa semua orang boleh berjaya dalam industri ini. Ini kerana di **ZHULIAN**, kita diberi pilihan sama ada mahu berjaya atau sebaliknya. Dalam bahasa yang mudah, kita lah yang menentukan di tahap mana kita berada. Jika kita memilih untuk berjaya, ada beberapa perkara yang harus kita perhatikan. Antaranya:

1. Betulkan cara pandangan dan pemikiran anda terhadap **ZHULIAN**.
2. Anggap inilah satu-satunya peluang yang boleh mengubah kehidupan anda.
3. Rancang dalam masa terbaik untuk mencipta pangkat serta pendapatan yang selesa.
4. Syukur dan berterima kasihlah jika ada yang mengambil berat dan mendorong kita untuk berjaya.

Kata pakar motivasi, "Untuk berjaya, kita mesti bergerak ke hadapan. Tetapi, sesekali tolehlah ke belakang agar kesilapan yang lalu tidak berulang". Mungkin kata-kata akhir ini boleh menjadi pedoman untuk kita bersama ~ "Kita tahu berapa duit yang tinggal untuk meneruskan hidup. Tetapi, kita tidak tahu berapa masa yang tinggal untuk hidup". Jadi, guna dan hargailah masa dengan sebaik-baiknya. Sekian, terima kasih.







---

## RCD SHIKH IBRAHIM BIN SHIKH A HANAM

28-0000028570

---

Pekerjaan : PENYELENGGARA STOR

Penaja : RCD HAJJAH RAMLAH BT ABU BAKAR  
28-0000024983







**"JANGAN MENUNGGU WAKTU YANG TEPAT UNTUK MELAKUKAN SESUATU KERANA WAKTU TIDAK AKAN PERNAH TEPAT BAGI MEREKA YANG MENUNGGU. PALING TERBAIK, MULAKAN SEKARANG."**

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, dengan izinNya dapat Kak Za capai ke pangkat tertinggi iaitu RCD dalam tempoh yang dirasakan sukar oleh orang lain. Di saat mula "Berani Berimpian", Allah turunkan ujian COVID-19 sebagai cabaran. Namun, Kak Za terus bersangka baik dengan aturanNya. Pasti ada hikmah di sebalik kejadian. Berbekalkan keberanian untuk menembusi tembok halangan dalam diri, Kak Za terus mengorak langkah mara ke hadapan. Benarlah, di sebalik kesempatan itu wujud kesempatan! Jangan ubah matlamat, tetapi ubah cara.

Perniagaan online adalah peluang untuk diteroka. Syukur Kak Za ada pengikut setia di **ZHULIAN** Agensi Bertam (BTA) yang sanggup susah dan senang bersama. Tahniah buat Family BTA yang YAKIN untuk berjuang bersama dan hari ini kalian juga beroleh manfaatnya. Terima kasih buat seluruh ahli keluarga yang sentiasa mendoakan khususnya suami tersayang, Tuan Haji Mohd Ridzuan Ghazali serta anak-anak yang memahami tugas dan kesibukan Ummi. Terima kasih buat Syarikat **ZHULIAN** yang menyediakan platform untuk insan biasa-biasa seperti Kak Za membina kejayaan, terutamanya sokongan padu daripada Team Marketing yang diketuai oleh En. Nelson Cheah. Terima kasih buat semua yang menyokong secara langsung atau tidak langsung sepanjang 20 tahun ini. Tahniah buat anak-anak rangkaian tercinta walau di mana kalian berada. Kejayaan ini sebagai tanda terima kasih dan kerjasama semua. Betulkan NIAT dan persepsi tentang Perniagaan MLM. Perniagaan MLM adalah ruang untuk menyebarkan manfaat kepada masyarakat dan berjaya bersama-sama.







**RCD HAJJAH RUHIZA  
BT ABDULLAH**

28-0000751078

Pekerjaan : JURUTEKNIK  
Penaja : DSM SEAH BOON CHIN  
28-0000322989





## "BERANI BERIMPIAN DAN MULAKAN USAHA SEKARANG SEBELUM TERLAMBAT."

Saya hanya seorang insan yang biasa-biasa tetapi "*I dare to dream, because I want it*". Bak kata Datuk Aziz Sattar di dalam filem "Seniman Bujang Lapok": "*BELUM TRY BELUM TAHU*". Dari itu, saya memberikan peluang untuk diri sendiri dan membuat keputusan untuk melakar impian saya melalui perniagaan MLM **ZHULIAN**. Berbekalkan impian dan matlamat untuk terus maju ke hadapan, kini saya amat bersyukur kerana telah berjaya melakukan apa yang tidak pernah saya fikir boleh lakukan serta menikmati hasil yang setimpal dan lumayan. Wahai Usahawan sekalian, janganlah tunggu lama-lama! Berani berimpian dan mulakan usaha sekarang sebelum terlambat. Relakan diri untuk berkorban, sanggup mencuba dan terus mencuba biarpun berkali-kali gagal serta beristiqomah demi kejayaan di masa depan. Sentiasalah bertitik-tolakkan sikap ingin membantu dan bersedekah dengan sifat pengasih, penyayang dan pemurah. Selain itu, pastikan kita berguru dan berkawan dengan orang berpengalaman dan tidak jemu-jemu belajar agar memiliki ilmu pengetahuan dan bertindak berlandaskan perancangan yang teliti ke arah matlamat.

Wawasan saya adalah ingin membantu dan membimbing lebih ramai generasi muda untuk merealisasikan impian melalui peluang yang ditawarkan oleh **ZHULIAN**. Saya juga hendak berkongsi dengan lebih ramai usahawan di luar sana tentang cara baru saya mengusahakan perniagaan MLM iaitu melalui online. Jutaan terima kasih kepada pihak Syarikat **ZHULIAN** kerana memberikan saya peluang Perniagaan **ZHULIAN**. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua tokoh Pemimpin yang pernah memberi sokongan kepada saya dan tidak lupa kepada semua sahabat seperjuangan yang mempercayai saya. Anda semua sentiasa tersemat di dalam hati saya. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua anak fruits saya yang jauh and dekat. *Love you all!* Akhir kata, seperti lirik lagu "*A Million Dreams*" dalam filem "*The Greatest Showman*", mulakan '*success journey*' dengan "*A Million Dreams*". *Believe in yourself. Teamworks make the Dream works.* Percayalah, **ZHULIAN** ialah platform terbaik untuk merealisasikan impian kita.







**RCD VOON SOK HOON**  
28-0004713240

Pekerjaan : PEMILIK KEDAI PERABUT  
Penaja : SSM LIM CHING HONG  
28-0004700187





**"UNTUK MENCAPAI KECEMERLANGAN, SAYA BERKORBAN MASA TANPA BERALASAN, BERDIKARI, BERDISIPLIN DAN TERIMA SEBARANG TEGURAN DAN BELAJAR MELALUI KESILAPAN."**

Assalamualaikum. Syukur Alhamdulillah ke hadrat Illahi dengan kurniaNya dan limpah rezekiNya, hari ini saya ke pangkat RCM. Sebelum dipertemukan dengan **ZHULIAN**, saya adalah seorang yang bekerja makan gaji selama 27 tahun. Saya ditemukan dengan peluang **ZHULIAN** melalui RCD Wanita Pertama di Zon Utara, RCD Wan Su Bt Jafar. Jutaan terima kasih kepada Upline tersayang kerana membimbing dan tak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar sejak dari pangkat SE sehinggalah ke pangkat RCM. Pada mulanya hanya mengguna produk kesihatan sambil memperolehi pendapatan sampingan. Lantas dalam bulan kedua, saya terus membuat keputusan perletakan jawatan dengan notis 24 jam. Selama 10 tahun menjalani perniagaan **ZHULIAN**, banyak saya belajar dari wanita yang biasa-biasa sehingga menjadi lebih luar biasa. Untuk mencapai kecemerlangan, saya berkorban masa tanpa beralasan, berdikari, berdisiplin dan terima sebarang teguran dan belajar melalui kesilapan. Pasti kejayaan menanti.

Terima kasih kepada Syarikat **ZHULIAN** yang memberi peluang kepada kami yang biasa-biasa untuk mencapai dan mencipta kejayaan cemerlang yang lebih luar biasa. Semoga saya sentiasa bersemangat dan menjadi pendorong kejayaan buat semua jaringan saya. Sesungguhnya, penyokong utama dan insan teristimewa adalah arwah suami tersayang, En. Abdul Razak Bin Saad...tanpa beliau, siapalah saya. Tak lupa juga penyokong dari dahulu sehingga kini, putera dan puteri kesayangan mak, Khairulakmal Abdul Razak dan Anis Azwani Abdul Razak. Juga buat kedua-dua menantu, Yuzaimin Azelyn dan Mohamad Sharmizi kerana memahami setiap perjalanan mak keluar ke kelas dan menjalankan perniagaan. Tidak lupa ibu tersayang yang mendoakan kejayaan saya. Kepada seluruh Warga **ZHULIAN**, terutama di **ZHULIAN** Agensi Jawi, kita sama-sama berjuang membina impian cemerlang dan memburu kejayaan.







## RCM HALIJAH BT SAARI

28-0003115198

Pekerjaan : PENYELIA KILANG  
Penaja : RCD WAN SU BT JAFAR  
28-0000858852







## CDM HAWIAH BT MOHD KADRY

28-0004501070

Pekerjaan : KERANI AKAUN  
Penaja : SE NOR SHAMSINAR BT MOHD KADRY  
28-0004417509

"KITA MENJUAL SESUATU YANG TAK RAMAI ORANG NAK JUAL, TAPI KITA MAMPU MELAKUKANNYA KERANA KITA MENJUAL BERSAMA ILMU DAN KONSEP, ASUHAN DAN DIDIKAN SERTA PERSAHABATAN."

Bismillahirrahmanirrahim. Syukur Alhamdulillah, dengan izin dariNya saya telah mencapai ke pangkat CDM pada penutup tahun 2020. Rezeki tak pernah salah alamat dan tak mustahil orang yang biasa-biasa mampu melakar kejayaan dan kecemerlangan bersama Syarikat **ZHULIAN**. Di bawah bimbingan ibunda tercinta RCD Hajjah Salina Bt Selamat yang sangat bijak, kaya dengan ilmu dan pengalaman maka lahirlah pelbagai perisian sebagai pemudah cara. Kewujudan *Flow Susu*, *Flow B'Young*, *Flow SiF* dan yang terkini *Flow Super SiF*, alhamdulillah kumpulan saya berkembang dengan cepat. Beliau sentiasa menerapkan dan memimpin saya menggunakan teknik '*Trusted Servant Leadership* (TSL)' dalam perniagaan **ZHULIAN** dan kehidupan seharian.

Terima kasih diucapkan kepada upline tercinta, RCM Siti Raudzah Bt Hassan Basri, RCM Anis Novita Bt Adni, anak-anak rangkaian tersayang, sideline dan jemaah SAC, suami yang dikasihi Azizul Arshad, anak-anak, keluarga, majikan, rakan-rakan dan para pelanggan yang selalu memberi dorongan dan menjadi penguat semangat selama saya melakukan perniagaan **ZHULIAN** ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Syarikat **ZHULIAN** yang sentiasa menyediakan pelbagai produk yang berkualiti tinggi dan mendapat tempat di hati masyarakat. Akhir kata dari saya, kita menjual sesuatu yang tak ramai orang nak jual, tapi kita mampu melakukannya kerana kita menjual bersama ilmu dan konsep, asuhan dan didikan serta persahabatan.







## CDM ROSNE BT HANAPIAH

28-0004730928

Pekerjaan : PEMBANTU AKAUNTAN, PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)

Penaja : SE MASSYUHAIDA BT MASMUDA

28-0004714978

**“SETIAP CABARAN HANYALAH SATU PROSES UNTUK MENJADIKAN KARAKTER ANDA LEBIH TEGUH DALAM PERSEDIAAN UNTUK MENJADI JAGUH DI DALAM HIDUP ANDA!”**

Bismillahirrahmanirrahim. Bersaing dengan diri sendiri itulah prinsip hidup saya. Usaha dan semangat tak kenal putus asa menjadi pemangkin untuk terus membina kecemerlangan diri sehingga dapat menggenggam pangkat CDM di kala perjalanan saya bersama Syarikat **ZHULIAN** menginjak tahun ke 6. Pengorbanan, perjuangan, ketabahan serta keyakinan sebenarnya akan menentukan kejayaan. Berbekalkan tekad dan semangat, saya sentiasa menuntut ilmu tanpa jemu, sedia digarap potensi diri menjadi insan berbeza oleh para Upline dan Syarikat **ZHULIAN** yang tercinta. Saya percaya, jika kita berhasrat untuk berjaya, maka perlu percaya kepada proses (*trust the process*) kerana semua orang yang berjaya akan melalui proses yang sama. Jadikan cabaran sebagai satu proses untuk sampai ke puncak destinasi.

Buat barisan Upline tercinta, DSM Masfaliza Bt Masmuda dan RCD Tuan Haji Ustaz Azman Bin Haji Ibrahim, terima kasih di atas keikhlasan membimbing dan mencurahkan ilmu berguna tanpa jemu. Buat upline yang paling dekat di hati, RCM Salmiah Bt Husain, terima kasih yang tidak terhingga atas didikan membina kekukuhan jati diri sebagai seorang usahawan MLM. Teristimewa buat suami tersayang yang menjadi tulang belakang perjuangan, En. Norman Mukiar dan anak-anak tersayang. Pengorbanan semua amat ibu hargai. Setinggi-tinggi penghargaan kepada **ZHULIAN** yang memperkenalkan platform KOL (*Key Opinion Leader*) iaitu satu titik tolak untuk menyediakan saya sebagai seorang pemimpin yang lebih berani menerajui dunia *online marketing* mengikut norma baharu. Tidak lupa juga kepada Pemilik **ZHULIAN** Agensi Bandar Baru Bangi, CDM Azmah Bt Yahaya dan Pemilik **ZHULIAN** Agensi Sepang, DSM Dr. Lily Fariza Bt Karim atas penyediaan tempat untuk menimba ilmu. Tanpa sokongan anda semua, saya tidak akan berada di sini. Buat seluruh jaringanku dan semua usahawan **ZHULIAN**, sama-sama terokai peluang perniagaan terindah ini dan jadilah orang yang bermanfaat kepada orang lain. *The More You Give, The More You Will Get Back* Samada Di Dunia Atau Di Sana. Wassalam.







## CDM SARIMAH BT YASA

28-0004843995

Pekerjaan : SURI RUMAH  
 Penaja : SE ISMAIL BIN YASA  
 28-0004807606

### "BEZA ORANG YANG BERJAYA DAN ORANG YANG GAGAL ADALAH HANYA PADA KEMAHUAN UNTUK MENCAPAI POTENSI SEBENAR."

Bismillahirrahmanirahim, Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Illahi dengan izin dan rahmatNya, saya sampai ke pangkat CDM melalui Pelan Pemasaran **ZHULIAN** yang Terindah, dengan prinsip, yakin dan percaya terhadap Syarikat **ZHULIAN** yang menyediakan platform terbaik kepada para Penedarnya. PKP @ PKPB bukan halangan untuk saya terus melangkah bagi mencapai matlamat dan impian saya di awal tahun 2021. Terima kasih kepada suami Mohd Narizan Bin Sulaiman dan anak-anak, Nur Ainaa Balqis, Nur Afrina Damia serta doa ibu ayah yang tidak pernah putus. Kalian adalah pendorong yang cukup kuat untuk saya melangkah ke tahap ini.



Terima kasih buat pihak Syarikat terutamanya En. Nelson Cheah, En. Mohd Ezani Bin Abdullah dan En. Muhammad Aiman Fakhri yang sentiasa memberi sokongan dan kepercayaan kepada anak muda "Power Green" ini serta Team Ahli Kongres "Power Green" Malaysia yang saling lengkap-melengkapi di antara satu sama lain untuk terus terbang bersama-sama, menuju Wawasan **ZHULIAN** 2039. Tak lupa juga ucapan terima kasih kepada upline saya, RCD Tuan Haji Ustaz Azman Bin Haji Ibrahim dan SE Ismail Bin Yasa yang memperkenalkan saya serta mendidik saya dalam perniagaan ini. Penghargaan istimewa buat Pemilik **ZHULIAN** Agensi Kota Bharu (Wisma Hamiah), iaitu mantan Diamond Star, RCM Hajjah Hamiah Bt Wan Omar yang telah membimbing saya sampai ke tahap ini. Terima kasih juga kepada semua Downline dan Sideline yang sentiasa saling bantu-membantu. Akhir kata, kunci utama kejayaan adalah yakin pada diri sendiri. Kunci kedua kejayaan adalah tak perlu dengar kata negatif orang lain. **ZHULIAN** Ku Percaya # sayangtanpasyarat.







## CDM ELLYNA BT YUSOF

28-0005020074

Pekerjaan : PEMILIK PERNIAGAAN

Penaja : SSM AMIDAH BT SALLEH

28-0005007704

### "TERUSKAN LANGKAHMU MEMBAWA ZHULIAN KEPADA MASYARAKAT DAN MENYEDIAKAN PASARAN YANG SUBUR PADA MASA HADAPAN."

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi dengan rahmat dan limpah kurniaNya saya berjaya ke pangkat CDM. Melalui program diet SiF saya mengenali **ZHULIAN**, dan apabila ia di'*upgrade*' ke *Super SiF* saya semakin menjiwai produk **ZHULIAN** yang sangat berkualiti tinggi. Siapa sangka melaluinya juga saya bergelar Usahawan **ZHULIAN** yang memiliki pendapatan ribuan ringgit setiap bulan. Alhamdulillah. Semoga suatu hari nanti program diet yang diperkenalkan oleh **ZHULIAN** Agensi Shah Alam (SAC) berasaskan produk kesihatan **ZHULIAN** akan menjadi pilihan No.1 rakyat Malaysia, In Shaa Allah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu saya, SSM Amidah Bt Salleh yang juga merupakan Upline yang membawa saya ke dunia perniagaan **ZHULIAN**. Berkat doa dan sokongan beliau, usaha selama ini berhasil. *I love you Mama*. Ribuan terima kasih buat insan-insan yang sangat berjasa dalam memastikan CDM dalam genggamannya iaitu ibunda tercinta, RCD Hajjah Salina Bt Selamat dan mummy Ija, RCM Kholijah Bt Jusoh. Syukur Alhamdulillah dengan mengaplikasikan perisian yang dilahirkan oleh RCD Kak Sal yang sangat kaya dengan ilmu seperti *Flow Susu*, *Flow B'Young*, *Flow SiF* dan terkini *Flow Super SiF*, ianya menjadi pemudah cara bagi saya, anak-anak rangkaian dan seluruh Warga SAC untuk mengembangkan kumpulan. Beliau juga sentiasa menerapkan nilai-nilai murni melalui "*Trusted Servant Leadership*" yang bukan sahaja boleh digunakan dalam perniagaan **ZHULIAN** malah dalam kehidupan seharian. Kepada anak-anak rangkaian saya yang sangat dikasihi, terima kasih saya ucapkan. Kejayaan semakin hampir, teruskan langkahmu membawa **ZHULIAN** kepada masyarakat dan menyediakan pasaran yang subur pada masa hadapan. *We do our best, let Allah do the rest. Good Luck!* Jutaan terima kasih Syarikat **ZHULIAN** kerana menyediakan pelbagai produk yang berkualiti tinggi dan sentiasa memberikan yang terbaik buat kami. *Last but not least*, terima kasih buat suami dan anak-anak tersayang yang sentiasa mendoakan, memahami, dan memberi sokongan. Kalian kekuatanku. *Saranghae. Shine, dream, smile. All the best!*







## DSM RUSMINI BT PAK ADIK

28-0001384452

Pekerjaan : TUKANG JAHIT

Penaja : RCM SARIPAH FAZILAH BT SYED YUSOF

28-0000911819



### "KEPADA SEMUA USAHAWAN ZHULIAN, MOGA KITA SAMA-SAMA BERJAYA MENUJU PUNCAK KEJAYAAN DALAM PERNIAGAAN INDAH BERSAMA SYARIKAT ZHULIAN."

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi dengan izinNya saya telah berjaya bergelar DSM pada Disember 2020 walaupun di musim PKP yang banyak rintangan dan cabaran. Terima kasih kepada Syarikat **ZHULIAN** kerana menyediakan pelbagai kemudahan serta produk yang berkualiti sehingga saya telah mencapai tahap kesihatan yang diinginkan. Alhamdulillah tahap kesihatan meningkat seiring pertambahan pendapatan di samping pendapatan sebagai seorang tukang jahit. Terima kasih kepada suami dan seluruh ahli keluarga yang sentiasa memberi sokongan dan semangat untuk meneruskan perjuangan dalam perniagaan **ZHULIAN**. Tak lupa juga kepada para Downline yang banyak membantu dalam melaksanakan budaya menjual, menaja dan menghadiri semua aktiviti yang dianjurkan pihak Agensi mahupun Syarikat. Penghargaan istimewa buat Pemilik **ZHULIAN** Agensi Tanah Merah iaitu Diamond Star, RCM Hajjah Che Ruhana Bt Hj Che Mohd Amin yang banyak membimbing serta mencurahkan ilmu kepada saya dan ahli naungan tanpa jemu. Akhir kata, saya doakan kepada semua USAHAWAN **ZHULIAN** terutama rakan kongsi saya di **ZHULIAN** Agensi Tanah Merah, moga kita sama-sama berjaya menuju puncak kejayaan dalam perniagaan indah bersama Syarikat **ZHULIAN**, Insha Allah Aamiin...**"WE LOVE ZHULIAN"**. Setelah saya merasai sendiri kemanisan bersama Syarikat **ZHULIAN**, saya berazam untuk terus mengorak langkah menuju Puncak Jaya seiring kejayaan demi kejayaan yang dicapai Syarikat **ZHULIAN**. Saya akan terus tetap bersama **ZHULIAN** sehingga ke akhir nafas saya dan terus merebut peluang yang disediakan **ZHULIAN** tanpa ragu-ragu.







## DSM NOR IDAYU BT RAJAB

28-0003688691

Pekerjaan : SURI RUMAH

Penaja : RCM SITI RAUDZAH BT HASSAN BASRI

28-0003824478

### "SIKIT-SIKIT, LAMA-LAMA JADI BUKIT."

Syukur alhamdulillah, pembuka tirai 2021 walau masih dalam norma baharu, saya telah pun berjaya mencapai ke pangkat DSM. Memetik kata-kata dari ibunda tercinta, RCD Hajjah Salina Bt Selamat, sikit-sikit lama-lama jadi bukit. Syukur dengan yang sedikit, Allah akan beri lebih lagi nanti. Alhamdulillah, berkat tunjuk ajar dan dipersiapkan dengan perisian daripada RCD Kak Salina Selamat iaitu *Flow susu*, *Flow B'Young*, *Flow SiF* dan terkini *Flow SuperSiF*, sangat membantu melancarkan perjalanan saya hingga ke tahap sekarang. Ternyata cara ini lebih harmoni dan memikat, walau tak berapa laju namun tetap ada peningkatan dari bulan ke bulan. Terima kasih yang tidak terhingga atas setiap bantuan dan sokongan daripada upline tercinta, RCM Siti Raudzah Bt Hassan Basri, RCM Anis Novita Bt Adni, downline-downline tersayang, sideline dan jemaah SAC. Buat tulang belakang saya, suami yang dikasihi, Ahmad Solihin, anak-anak serta keluarga. Terima kasih atas sokongan kalian. Terima kasih Syarikat **ZHULIAN** yang telah menyediakan pelbagai produk berkualiti tinggi dan kemudahan-kemudahan untuk saya menjana pendapatan setiap bulan.







## DSM NUR AMIRATUL AQILAH BT MOHD RIDZUAN

28-0004911289

Pekerjaan : KERANI KAUNTER

Penaja : RCD HAJJAH RUHIZA BT ABDULLAH

28-0000751078



**"KEYAKINAN TERHADAP DIRI SENDIRI MAKIN MENINGKAT, KEPERCAYAAN KEPADA SYARIKAT SEMAKIN KUAT DAN SEMOGA PERJUANGAN INI MENCAPAI MATLAMAT WAWASAN 2039 SEBAGAI JIHAD!"**

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi dengan izinNya saya dapat mencapai ke pangkat DSM di usia 21 tahun. Di saat rakan sebaya masih 'enjoy' dengan masa muda, saya terpengaruh dengan dunia perniagaan keluarga. Syukur, segala komitmen dan usaha tidak sia-sia. Benarlah bagai dikata, tak kenal maka tak cinta. Perniagaan **ZHULIAN** bukan untuk yang berusia sahaja tetapi patut diteroka oleh anak-anak muda kerana kita akan "menang" pada usia. Terima kasih atas garapan Bonda Tercinta, RCD Hajjah Ruhiza Bt Abdullah serta Pemimpin-pemimpin di **ZHULIAN** Agensi Bertam yang tidak jemu berkongsi ilmu. Terima kasih juga kepada keluarga yang sentiasa memberi sokongan padu. Tak dilupakan jasa Syarikat **ZHULIAN** yang terlalu banyak untuk saya dan Team PowerGreen terutamanya En. Nelson Cheah dan En. Mohd Ezani Bin Abdullah. Terima kasih atas kepercayaan kepada saya dan Ahli Kongress PowerGreen Malaysia. Dari hari ke hari, keyakinan terhadap diri sendiri makin meningkat, kepercayaan kepada Syarikat semakin kuat dan semoga perjuangan ini mencapai matlamat Wawasan **ZHULIAN** 2039 sebagai JIHAD!  
#AqilahPowergreen #AnakMudaBerniaga



©Ruhiza Abdullah





## DSM FAUZIAH RINA BT VERADOR

28-0005130572

Pekerjaan : GURU

Penaja : DSM NORMIA BT MANYSUI @ MANSOR

28-0005130570

### "IF YOU BELIEVE IN YOURSELF...ANYTHING IS POSSIBLE... ZHULIANKU PERCAYA!"

Hakikat sebuah perjalanan yang panjang, jika kita mempunyai kepercayaan, keyakinan dan keazaman yang tinggi pasti akhirnya kejayaan akan menjadi milik kita. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang masih memberi peluang kesihatan kepada saya untuk terus berjuang bersama **ZHULIAN**. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan buat Syarikat **ZHULIAN** yang telah menyediakan Pelan Pemasaran Terindah yang sememangnya menjadi titik tolak kepada saya untuk kembali bangkit bersama **ZHULIAN**. Terima kasih buat Penolong Pengurus Pemasaran, En. Mohd Ezani Bin Abdullah dan Team Marketing atas segala sokongan yang diberikan. Buat Pemimpin hebat yang merupakan mentor saya, RCD Datin Nor Irdawani Bt Che Razali yang telah mendidik, membimbing dan memberi sokongan tanpa penat dan jemu...jauh bukan penghalang buat kita. Semoga Allah membalas kebaikanmu dengan rezeki yang melimpah-ruah di **ZHULIAN**. Buat Ayahanda RCD Tuan Shikh Ibrahim Bin Shikh A. Hanam dan isteri, serta Pemimpin-pemimpin hebat di **ZHULIAN** Agensi Setiu...anda semua inspirasi kami! Buat pemilik **ZHULIAN** Agensi Sandakan, SM Cikgu Isniah Bt Nahar yang mewakili seluruh jaringan saya di Borneo dan Semenanjung Malaysia, serta para pemimpin **ZHULIAN** Sandakan. Terima kasih atas segala sokongan dan kerjasama anda. Kejayaan ini adalah milik kita semua. Tidak dilupakan ucapan penghargaan ditujukan buat suami dan keluarga yang sentiasa menyokong dari dahulu hingga sekarang. Di kala pandemik yang belum berakhir, di kala segalanya mustahil, terima kasih kerana masih berdiri teguh di belakang saya bersama **ZHULIAN**. Oleh itu, kejayaan ini adalah permulaan kepada sebuah amanah dan tanggungjawab yang sangat besar. Sempena Tahun Baharu 2021, saya berazam untuk melahirkan lebih ramai Pemimpin hebat era baru yang mempunyai jati diri dan daya keazaman yang tinggi melalui peluang yang diberikan oleh **ZHULIAN**. Ayuh semua teruskan perjuangan kita!! *Together We Rise!*







## DSM ZANARIAH BT JAMAL

28-0005168789

Pekerjaan : JURUTEKNIK

Penaja : SE SHARIFAH RHADIAH BT SAID ALWI

28-0005130568



### "SEMOGA IMPIAN SAYA TERCAPAI UNTUK MENGEMBANGKAN PERNIAGAAN INI SEHINGGA PERINGKAT ASIA TENGGARA DENGAN 'ONLINE BUSINESS'."

Bismillahirrahmanirrahim...Alhamdulillah syukur kehadiran Illahi di atas kurniaanNya dan izinNya saya telah diberi peluang sehingga ke pangkat DSM. Terima kasih kepada Syarikat **ZHULIAN** yang menyediakan platform untuk kita sama-sama berkongsi rezeki melalui perniagaan MLM **ZHULIAN** yang hebat ini. Terima kasih tak terhingga kepada Upline tersayang, CDM Elyna Bt Yusof yang bertanggungjawab memperkenalkan kepada saya Dunia Keemasan **ZHULIAN** ini. Beliau bersama RCM Kholijah Bt Jusoh banyak memberikan tunjuk ajar cara membimbing dan mengembangkan kumpulan anak-anak rangkaian di bawah saya. Insan yang tidak dapat saya lupakan adalah Ibunda tercinta, RCD Hajjah Salina Bt Selamat ~ guru kesayangan kami di **ZHULIAN** Agensi Shah Alam yang sentiasa memberikan ilmu yang 'hidup' dalam perniagaan dan kehidupan seharian. Bukan sahaja ilmu yang kami perolehi, tetapi kemudahan dan servis yang disediakan turut memudahkan kami berurusan dalam perniagaan ini. Tidak lupa juga kepada anak-anak rangkaian saya yang sentiasa memberikan kerjasama dan sudi melakukan perniagaan ini bersama-sama. Buat suami tercinta dan anak-anak, terima kasih atas restu dan doa kalian. Akhir kata, semoga impian saya tercapai untuk mengembangkan perniagaan ini sehingga peringkat Asia Tenggara dengan '*Online Business*', bisnes tanpa sempadan, InsyaAllah. Aamiin YRA.







## DSM LATIFAH BT OTHMAN

28-0005171681

Pekerjaan : PENIAGA NASI LEMAK  
 Penaja : SE SHAMSURI BIN MAT ISA  
 28-0005171679



### "DI MANA ADA KEMAHUAN, DI SITU ADA KEJAYAAN."

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum. Syukur saya ke hadrat Illahi dengan limpah kurniaNya saya dapat capai sehingga ke tahap ini dalam Syarikat **ZHULIAN**. Pada mulanya saya hanya gunapakai produk demi kesihatan suami saya. Setelah terpicat Pelan Pemasaran Terindah **ZHULIAN**, saya mengorak langkah dari satu pangkat ke pangkat seterusnya. Mendalami Pelan Pemasaran pada tahun ini agak mencabar pada diri saya kerana negara mengalami Pandemi COVID-19. Meskipun agak sukar pada awalnya akan tetapi berkat bimbingan dan dorongan dari upline saya, RCD Wan Su Bt Jafar serta sokongan daripada suami tercinta, Hazaman Bin Othman, keluarga, rangkaian dan rakan-rakan seperjuangan di **ZHULIAN** Agensi Jawi, alhamdulillah kini saya telah dinobatkan ke pangkat DSM. Bagi mereka yang baru berjinak-jinak di dalam perniagaan ini, percayalah di atas usaha, kerajinan, pengorbanan, kejujuran dan kemahuan diri sendiri, InsyaAllah akan capai kejayaan. Terima kasih **ZHULIAN** Malaysia.







## DSM ZUNAIDA BT JAMIL

28-0005222859

Pekerjaan : PENYELIA

Penaja : SE AZURA BT ANUAR

28-0005112991



### "SESUNGGUHNYA, KEJAYAAN DAN KEKUATAN SAYA INI ADALAH HASIL SUNTIKAN DAN SOKONGAN INSAN-INSAN PENTING DALAM HIDUP SAYA."

Alhamdulillah, dengan bisnes sambilan tetapi bukan sambil lewa, di musim PKPB dan penutup 2020, dengan izinNya saya berjaya mencapai kenaikan pangkat DSM. Saya bermula dengan Susu ColoSkim dan Program "Smart Intermittent Fasting (SiF)" serta mengunapakai produk **ZHULIAN**. Terima kasih Syarikat **ZHULIAN** kerana berjaya menghasilkan produk berkualiti tinggi serta menyediakan peluang terbaik kepada Penedarnya bagi menjana pendapatan. Syukur, kejayaan dan kekuatan saya ini adalah hasil suntikan dan sokongan daripada mentor yang sangat baik di hati saya, RCD Hajjah Salina Bt Selamat dalam menjayakan diri saya sampai ke tahap ini. Segalanya juga dipermudahkan dengan bantuan upline tercinta, RCD Hajjah Suhaila Bt Soid serta CDM Rahimah Bt Kuna yang merupakan tulang belakang yang banyak membimbing, memberi kata-kata semangat dan menjadi sahabat pendengar yang baik. Asbab **ZHULIAN**, kami seperti saudara. Terima kasih juga kepada anak-anak rangkaian dan Jemaah SAC. Buat suami yang dikasihi, Mohammad Shahrom, keluarga, majikan, rakan-rakan dan para pelanggan. Saya sayang anda kerana Allah! Akhir kata, nak pelihara sihat ni bukan sehari dua, bukan untuk diri sendiri saja, tapi untuk kebaikan insan di sekeliling kita. Pilihannya ada pada diri kita. Kita sihat sebagai tanda kesyukuran. InsyaAllah!







## DSM JANIAH BT NAZIRI

28-0005308375

Pekerjaan : SURI RUMAH

Penaja : CDM AIIN SHAFIRA ABDULLAH

28-0004283622



**"IF YOU WANT TO GO FAST, YOU GO ALONE. IF YOU WANT TO GO FAR, YOU GO TOGETHER."**

Alhamdulillah atas izin Allah dengan berkat usaha dan keyakinan diri, saya telah berjaya sehingga ke peringkat ini. DSM pertama untuk Bintulu, Sarawak. Ini adalah peluang ke-2 yang saya pilih untuk babitkan diri ke dalam dunia perniagaan **ZHULIAN**. Sebuah kejayaan tidak akan datang bergolek begitu sahaja tanpa adanya usaha keras. Prinsip kejayaan saya bermula dengan 3S ~ Sudi, Sanggup dan Sungguh. *"If you want to go fast, you go alone. If you want to go far, you go together"*. Itulah antara pesanan serta nasihat yang selalu saya pegang dengan upline saya, DSM Aiin Shafira Abdullah, bos saya En. Nelson Cheah, sifu-sifu RCD Voon Sok Hoon, RCD Hajjah Ruhiza Bt Abdullah, RCM Nili Suhana Bt Omar dan penasihat, RCM Hajjah Hamiah Bt Wan Omar. Terima kasih kepada suami saya, anak-anak, keluarga, Team **ZHULIAN** Harmoni Sarawak, rakan-rakan seperjuangan, Team KOL Club. Tidak lupa juga terima kasih di atas doa-doa mak saya. Wawasan **ZHULIAN** 2039...Moga saya



dan Team **ZHULIAN** Harmoni Sarawak terus istiqomah dan berjuang berterusan tanpa henti. Usia tidak menjadi ukuran sesebuah kejayaan. Jangan berhenti belajar, semakin banyak kita belajar dan menuntut ilmu, semakin luas ruang kekayaan serta kejayaan hidup. **ZHULIAN, ZHULIAN, ZHULIAN, Go, Go, Go...Yes, Yes, Yes...Ooo...Yes!**







SSM ARJUNA BT MAT TEH  
28-000724237



SSM INTAN MAZLINA BT HUSSAIN  
28-0005233712



SSM NURUL ASHIKIN BT SAHRI  
28-0004563596



SSM LIM CHING HONG  
28-0004700187



SM ZUBAIDAH BT HAMAD  
28-0000761309



SM ENSKU HALIN  
BIN ENSKU SETEBAHA  
28-0000904789



SM SAIFFUL AZLLEE  
BIN MD HASAN  
28-0001462586



SM MUHAMMAD AMIRUL  
BIN MOHD RIDZUAN  
28-0002053495



SM HAMIDAH BT OMAR  
28-0002419732



SM NOORFARTINI BT ISMAIL  
28-0003662855



SM YUSILA  
BT ISHAK@YUSOFF  
28-0004670567



SM ILYANA BT ABDUL HALIM  
28-0004900209



SM KHO LUONG IANG  
28-0004934069



SM NOLITA BT TALIB  
28-0004935770



SM NUR AMIRAH ARDINI  
BT KAMAL  
28-0004995682



SM KU RODZIYAH  
BT ABU YAZIZ  
28-0005019736



SM MASNIYATI BT YAHYA  
28-0005020065



SM NUURAZLEN BT ZAIDI  
28-0005023287



SM NOORHASIMAH  
BT DERAHIN  
28-0005026207



SM HASLINA BT HASHIM  
28-0005078188



SM SYAFNY  
BT A RAHMAN  
28-0005133002



SM NOORFATINAH BT FAUZI  
28-0005157819



SM JUNAIDAH BT ISMAIL  
28-0005165312



SM SALIZA BT AHMAD  
28-0005187302



SM NURUL AFQAH  
BT ZAKARIA  
28-0005189197



SM MOHD AMRI  
BIN IBRAHIM  
28-0005233716



SM MARIAH BT OSMAN  
28-0005250727





SM NOOR ASIAH  
BT ABU KASIM  
28-0005274908



SM SUMAYYAH BT SAAIDIN  
28-0005279506



SM RIZANA BT GHAZALI  
28-0005300571



SM UMMI SAMHARIAH  
BT ISHAK  
28-0005314580



